



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERNIAGAAN KELUARGA KOH DI PULAU PINANG- TAIWAN, 1786-1941



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERNIAGAAN KELUARGA KOH DI PULAU PINANG-TAIWAN, 1786-1941

TAN SOON CHIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 28...(hari bulan) 6..... (bulan) 20.22...

i. Perakuan pelajar :

Saya, Tan Soon Chin, P20182001861, Fakulti Sains Kemanusiaan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Perniagaan Keluarga Koh Di Pulau Pinang-Taiwan, 1786-1941

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Adnan Bin Jusoh (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Perniagaan Keluarga Koh Di Pulau Pinang-Taiwan, 1786-1941

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah Sejarah (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

28 JUN 2022

Tarikh

PROF. MADYA DR. ADNAN JUSOH
Pensyarah
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERNIAGAAN KELUARGA KOH DI PULAU PINANG-TAIWAN, 1786-1941

No. Matrik / Matric's No.: P20182001861

Saya / I : TAN SOON CHIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROF. MADYA DR. ADNAN JUSOH
Penyayang
Maktaban Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

Tarikh: 28 JUN 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana penulisan tesis ini berjaya disiapkan mengikut masa yang telah ditetapkan. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia pertama dan penyelia kedua saya iaitu Prof. Madya Dr. Adnan bin Jusoh dan Prof. Madya Dr. Khairi bin Ariffin yang telah banyak memberi bimbingan serta nasihat yang amat berharga sepanjang menyiapkan penulisan ini. Pada masa yang sama, tidak lupa juga kepada penilai luar dan penilai dalaman tesis, Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdullah Zakaria, Prof. Madya Dr. Bilcher Bala dan Prof. Madya Dr. Nazirah Lee serta pensyarah UPSI, Dr. Nabir Hj Abdullah dan Dr. Rabaah binti Abdullah yang banyak menyumbangkan idea, pendapat dan teguran yang membina supaya diri saya mengetahui kelemahan diri sepanjang melaksanakan kajian.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Arkib Negara, Arkib Negeri Pulau Pinang, *India Office Records* di London, *The Archives of Institute of Taiwan History*, *The Institute of Qing History* di China, Muzium Negeri Pulau Pinang, Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang (PCCC), *National Central Library* di Taiwan, National Library Singapore, Perpustakaan Tunku Bainun, UPSI, Perpustakaan Hamzah Sendut, USM, Perpustakaan Universiti Malaya dan *Taichung Municipal Taichung First Senior High School* kerana membenarkan saya merujuk bahan-bahan primer dan sekunder sepanjang menjalankan kajian ini. Bahan-bahan yang diperoleh daripada agensi-agensi ini amat membantu dalam memantapkan lagi hasil penulisan saya.

Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa saya iaitu mendieng Mejar (B) Tan Choo Keong dan Puan Teoh Mooi Choo kerana memberikan sokongan moral dan kewangan sepanjang menyiapkan penulisan ini. Di samping itu, saya juga berterima kasih kepada suami saya, Kapten Cheong Wai Keat kerana memberikan sokongan penuh, membayar sebahagian yuran pengajian, menjadi pemandu dan menemani saya ke Arkib untuk menjalankan kajian. Selain daripada itu, saya juga berterima kasih kepada Encik Alvin Loh kerana menjadi orang tengah untuk menghubungi pihak *The Archives of Institute of Taiwan History* bagi mengizinkan saya menyelidik dokumen-dokumen di situ.

Selanjutnya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mantan Komandan PUSWATAN, Leftenan Kolonel Suhaidi Bin Saad dan Pengurus Wisma Perwira, Leftenan Kolonel Zahril Shafie kerana membekalkan tempat kediaman sementara kepada saya di Ipoh. Akhir sekali, tidak dilupakan juga rakan seperjuangan iaitu Cik Amrina Anuar dan Pn. Geraldine Chin Yu Lin yang membantu menyemak tatabahasa abstrak Bahasa Inggeris. Akhir kata, saya berharap agar semua pihak yang membantu dan menyokong saya akan dikurniakan kehidupan yang sihat sejahtera dan dimurahkan rezeki sepanjang hidup ini.





ABSTRAK

Tesis ini adalah untuk menganalisis penglibatan dan perkembangan perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang dengan Taiwan dari tahun 1786 hingga 1941. Pada asalnya, perniagaan keluarga Koh adalah bermula di Pulau Pinang, tetapi sejajar dengan perkembangan semasa generasi berikutnya telah mengembangkan perniagaan mereka hingga ke Taiwan. Selain tidak banyak pengetahuan sejarah mengenai perniagaan keluarga Koh yang dirungkai, timbul tanda tanya bagaimana ia berjaya mengembangkan empayar perniagaannya dalam tempoh kajian tersebut. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memberi penekanan kajian secara analisis dokumen. Sejumlah dokumen yang terdapat di *India Office Records*, *The Archives of Institute of Taiwan History*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia, Cawangan Pulau Pinang seperti Strait Settlement Record, dokumen perniagaan keluarga Koo di Taiwan, laporan kerajaan, minit mesyuarat dan akhbar adalah rujukan penting untuk kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan keluarga Koh telah melibatkan diri dalam pelbagai jenis perniagaan di Pulau Pinang hingga ke Taiwan bermula tahun 1786 seiring dengan perubahan ekonomi semasa. Realitinya perkembangan perniagaan keluarga Koh juga turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya ialah kebijakan dan kepandaian dalam mengembangkan aspek seperti modal, peluang, pewarisan, jaringan perniagaan, hubungan dengan pemerintah dan dasar kerajaan yang dijalankan sepanjang tempoh kajian. Dapatan kajian membuktikan faktor hubungan dengan pemerintah menjadi faktor utama kepada perkembangan perniagaan keluarga Koh. Implikasi kajian ini sangat penting dalam membuka lembaran baharu khususnya membantu agensi kerajaan seperti Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia, kerajaan negeri Pulau Pinang atau institusi lain yang berkepentingan dalam mengkaji sejarah tokoh perniagaan dari aspek strategi serta hubungan dengan pemerintah yang selama ini tertutup rapat kerana kekurangan maklumat.





KOH FAMILY BUSINESS IN PENANG-TAIWAN, 1786-1941

ABSTRACT

This thesis was to analyse the involvement and development of the Koh family business in Penang and Taiwan from 1786 to 1941. Originally, the Koh family business was started in Penang, however, in line with developments at the time, the next generation has expanded their business to Taiwan. It is little historical knowledge of the Koh family's business has been discovered, and thus it raised the question of how Koh family grew its business empire during the period of this study. The research method of this study used qualitative research, relying on document analysis. A number of documents available in the India Office Records, The Archives of the Institute of Taiwan History, the National Archives of Malaysia and the Penang State Branch State Archives such as the Strait Settlement Record, Koo family business documents in Taiwan, government reports, meeting minutes and newspapers are the key references for this study. The findings of this study show that the Koh family has been involved in various types of business from Penang to Taiwan since 1786 in line with the economic changes at the time. The development of the Koh family business also influenced by various factors which are involved such as intelligence and ingenuity in mobilising aspects, for example, capital, opportunities, inheritance, business networks, relations with the government and government policies which were carried out during the study period. This study also find that the relationship with the government becomes the main factor of the development of the Koh family business. This study has contributed new information in the development of family business to attract the interest of government agencies such as the National Archives of Malaysia, Malaysian Museum Department, Penang state government or other institutions in studying the history of business figures from the aspect of strategy and relationship with the government which has been inaccessible due to lack of information.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Metodologi Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	14
1.7	Skop Kajian	16
1.8	Kajian Lepas	17
1.9	Definisi Istilah	32
1.10	Pembahagian bab	38





1.11 Kesimpulan	41
-----------------	----

BAB 2 LATAR BELAKANG KELUARGA KOH

2.1 Pendahuluan	42
2.2 Kedatangan Keluarga Koh Dari Negara China Ke Pulau Pinang	43
2.3 Penglibatan Keluarga Koh Dalam Pembukaan Pulau Pinang	44
2.4 Ahli Keluarga Koh Mengikut Generasi	45
2.4.1 Generasi Pertama	46
2.4.2 Generasi Kedua	48
2.4.3 Generasi Ketiga	49
2.4.4 Generasi Keempat	50
2.4.5 Generasi Kelima	61
2.5 Kesimpulan	65

BAB 3 KEGIATAN EKONOMI KELUARGA KOH DI PULAU PINANG

3.1 Pendahuluan	66
3.2 Perniagaan Yang Diusahakan Mengikut Generasi	67
3.2.1 Generasi Pertama	68
3.2.2 Generasi Kedua	82
3.2.3 Generasi Ketiga	83
3.2.4 Generasi Keempat	83
3.3 Kesimpulan	96



**BAB 4 HUBUNGAN KELUARGA KOH DENGAN PENTADBIR
BRITISH DAN JEPUN SEHINGGA 1941**

4.1	Pendahuluan	97
4.2	Hubungan Keluarga Koh Dengan British Di Pulau Pinang	99
4.3	Dasar British	106
4.3.1	Perdagangan Bebas Laissez-faire	106
4.3.2	Bantuan Kewangan	107
4.3.3	Pengenalan Cukai	113
4.3.4	Pemberian Hak Pajakan Cukai	117
4.3.5	Pengecualian Cukai	119
4.3.6	Jaminan Keselamatan Dan Pengawasan Harta Peneroka	122
4.3.7	Pemasaran Hasil Oleh British Dan Pemberian Tanah	124
4.4	Isu-isu Semasa Yang Berlaku Di Pulau Pinang Sehingga Tahun 1941	125
4.4.1	Perang Dunia Pertama (1914-1918)	125
4.4.2	Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929	129
4.4.3	Perang Dunia Kedua	132
4.5	Hubungan Keluarga Koo Dengan Jepun Di Taiwan	135
4.6	Kesimpulan	137

**BAB 5 PERKEMBANGAN PERNIAGAAN KELUARGA KOO
DI TAIWAN**

5.1	Pedahuluan	139
5.2	Faktor-faktor Pertumbuhan Ekonomi Di Taiwan	140





5.2.1	Penjajahan Dan Pentadbiran Jepun Di Taiwan	141
5.2.2	Perjanjian Tientsin	142
5.2.3	Bilangan Penduduk Yang Ramai	144
5.2.4	Perkembangan Sistem Pengangkutan Dan Perhubungan	147
5.2.5	Peraturan Tanah Di Taiwan Sebelum Penjajahan Jepun	152
5.3	Perniagaan Keluarga Koo Di Taiwan	153
5.3.1	Hak Menjual Garam	155
5.3.2	Kilang Penghasilan Gula	165
5.3.3	Pembukaan Tanah	170
5.3.4	Pengedar Jualan Tembakau	175
5.3.5	Perniagaan Import Dan Eksport	183
5.3.6	Penanaman Buah Nanas Dan Kilang Penghasilan Nanas Dalam Tin	187
5.3.7	Perniagaan Arak Beras	191
5.3.8	Ladang Perniagaan	195
5.3.9	Pengedar Jualan Candu	198
5.4	Sumbangan keluarga Koo Terhadap Masyarakat Setempat	203
5.5	Kesimpulan	204

BAB 6**FAKTOR KEJAYAAN PERNIAGAAN KELUARGA
KOH/KOO**

6.1	Pendahuluan	206
6.2	Faktor Pewarisan Perniagaan Keluarga	208





6.2.1	Pewarisan Kepada Anak	208
6.2.2	Pewarisan Kepada Ahli Keluarga	211
6.3	Faktor Modal Dan Aset	213
6.3.1	Wang Tunai	213
6.3.2	Bantuan Kewangan Dan Subsidi	218
6.3.3	Pelaburan Tanah	220
6.4	Faktor Jaringan Perniagaan	224
6.4.1	Kongsi Gelap	225
6.5	Hubungan Dengan Pemerintah	228
6.5.1	Hubungan Dengan British Di Pulau Pinang	229
6.5.2	Hubungan Dengan Jepun Di Taiwan	234
6.5.3	Hubungan Dengan Pemerintah China	247
6.6	Faktor Dasar Kerajaan	252
6.6.1	Dasar Kerajaan British Di Pulau Pinang	253
6.6.2	Dasar Kerajaan Jepun Di Taiwan	255
6.7	Kesimpulan	261
BAB 7	KESIMPULAN	263
BIBLIOGRAFI		273
LAMPIRAN		305





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Pendapatan di Pulau Pinang Dari Tempoh 1810 Hingga 1813 Akibat Penurunan Harga Lada	71
3.2	Kos Yang Diperlukan Untuk Menanam Lada Sebanyak Dua Orlong Tanah	72
3.3	Jumlah Pokok, Keluasan Tanah, Bilangan Pekerja Serta Keuntungan Yang Diperoleh Daripada Setiap Jenis Tanaman Di Kawasan Pulau Pinang Pada Tahun 1820-an	73
3.4	Penyata Barang Yang Dieksport Dari Pulau Pinang Ke China Pada Tahun 1809	75
3.5	Pendapatan Keseluruhan Dan Pendapatan Candu Di Negeri-negeri Selat Dari Tahun 1898-1906	80
3.6	Penyata Candu Import Ke Klang Dari Negeri-negeri Selat Pada Bulan Disember, 1880.	85
3.7	Import Dan Eksport Candu Di Negeri-negeri Selat Pada Tahun 1901	86
3.8	Import Barang Ke Pulau Pinang Pada Tahun 1902 Dan 1903	89
3.9	Nilai Eksport Ke Negara Lain Dari Pulau Pinang Pada Tahun 1902 Dan Tahun 1903	90
3.10	Jumlah Barang Yang Diimport Masuk Ke Pulau Pinang Pada Tahun 1905	92
3.11	Hasil Cukai Negeri-negeri Selat Pada Tahun 1905	92
3.12	Bilangan Kapal Dagang Dan Jumlah Muatan Yang Bertolak Dari Pulau Pinang Pada Tahun 1904	94
4.1	Keputusan Pilihan Raya Kawasan Perbandaran George Town Pada 16 Januari 1888	102
4.2	Bilangan Murid Di Penang Free School Dari Tahun 1820 Hingga 1921	104





4.3	Kadar Pinjaman Dan Faedah Yang Dibayar Kepada Bank	109
4.4	Kadar Sewa Yang Dibayar Oleh Pengusaha Cina Kepada Kerajaan British	120
4.5	Duti Eksport Mengikut Jenis-jenis Barang	121
4.6	Bilangan Imigran Cina Di Pulau Pinang Pada Tahun 1913 Dan 1914	126
4.7	Bilangan Imigran Cina Pada Tahun 1910 Hingga 1914	127
4.8	Jumlah Barang (Tan) Yang Keluar Dan Masuk Ke Negeri-negeri Selat Pada Tahun 1913 Dan 1914	129
4.9	Nilai Perdagangan Di Pulau Pinang Dari Tahun 1915 Hingga 1940 (\$ Juta)	131
5.1	Bilangan Penduduk Di Taiwan Pada Tahun 1660 Hingga 1955	146
5.2	Tempoh Pembinaan Jalan Kereta Api Utama Di Taiwan Semasa Pemerintahan Jepun	149
5.3	Jalan Raya Yang Dibina Di Taiwan Pada Tahun 1874	151
5.4	Jumlah Garam Yang Rosak Akibat Angin Kencang Dan Hujan Lebat Pada Ogos 1920	160
5.5	Harga Jualan Garam Yang Diselaraskan Pada 11 Oktober 1920 Mengikut Gred	161
5.6	Subsidi Kemusnahan Garam Dan Kos Perbaharui Yang Diperlukan	162
5.7	Pendapatan Ladang Tebu Pada Tahun Keempat Dan Kelima Penanaman Di Daerah Zhanghua	166
5.8	Modal Yang Dikeluarkan Dan Jumlah Pendapatan Penanaman Tebu Pada Tahun Pertama Hingga Tahun Keenam Di Daerah Zhanghua	167
5.9	Jumlah Penghasilan Tembakau Di Taiwan Dan China Pada Tahun 1906 Hingga 1908	176
5.10	Nilai Perdagangan Tembakau Di Taiwan Dan China Pada Tahun 1906 Hingga 1908	177





5.11	Jualan Tembakau Bawah Koo Hsien Jung Dari 24 November 1909 Hingga 31 Mac 1910	180
5.12	Jumlah Pembelian Tembakau Oleh Bahagian Uji Kaji Tanah Pertanian Taiwan Dari Tahun 1917 Hingga 1918	181
5.13	Jumlah Pembelian Tembakau Oleh Ketua Bahagian Pertanian Taipei Dari Bulan Mei 1917 Hingga Januari 1918	182
5.14	Pasaran Import Dan Eksport Taiwan Semasa Pemerintahan Jepun (%)	186
5.15	Penanaman Nanas Di Taiwan Mengikut Daerah Pada Tahun 1935 Hingga 1941	188
5.16	Jumlah Penanaman Nanas Di Taiwan Mengikut Keluasan (Ekar) Pada Tahun 1935 Hingga 1941	188
5.17	Jumlah Penghasilan Buah-buahan Mengikut Gred (Tan) Dan Jumlah Pendapatan (Yuan Dolar) Dari Tahun 1936 Hingga 1940	191
5.18	Harga Pembelian Anamel Pada Tahun 1937	194
5.19	Anggaran Kos Membuka Tanah Dan Pernakan Di Douliu Dari Tahun 1907 Hingga 1911	197
5.20	Penghasilan Candu Dan Harga Jualan Candu Mengikut Gred Dari Tahun 1896 Hingga 1905 Di Taiwan	200
5.21	Jumlah Pendapatan Tahunan Dan Pendapatan Monopoli Candu Di Taiwan Pada Tahun 1897 Hingga 1904	202
6.1	Perniagaan Yang Diwarisi Oleh Koo Chen Fu Pada Tahun 1940	209
6.2	Modal Yang Dikeluarkan Oleh Keluarga Koh/Koo Untuk Melibatkan Diri Dalam Pelbagai Jenis Perniagaan Di Pulau Pinang Dan Taiwan	215
6.3	Keluasan Tanah Yang Dibuka Oleh Koo Hsien Jung Mengikut Kawasan Pada Tahun 1902 Hingga 1917	223
6.4	Sumbangan Yang Diberikan Oleh Koh Seang Tat Kepada Kerajaan British Di Pulau Pinang	233
6.5	Biro Keselamatan Yang Terdapat Di Taiwan Dari Ogos Hingga Oktober 1895	235





- | | | |
|-----|--|-----|
| 6.6 | Jawatan Yang Dipegang Oleh Koo Hsien Jung Di Taiwan Dari Tahun 1896 Hingga 1899 | 236 |
| 6.7 | Gabenor Taiwan Yang Meluluskan Permohonan Tanah Koo Hsien Jung Pada Tahun 1906 Hingga 1928 | 257 |
| 6.8 | Jawatan Yang Dipegang Oleh Koo Hsien Jung Pada Tahun 1900 Hingga 1937 | 259 |





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Generasi Pertama Hingga Generasi Kelima Keluarga Koh Di Pulau Pinang Dan Taiwan	45
2.2 Anak Koh Seang Tek	53
2.3 Anak Koo Hong Beng	59
2.4 Anak Koo Hsien Jung	60
2.5 Anak Koh Cheng Sian	62
5.1 Tempat Penghasilan Garam Semasa Penaklukan Jepun Di Taiwan	156
5.2 Peratus Garam Yang Rosak Mengikut Gred Akibat Angin Angin Kencang Dan Hujan Lebat Pada Ogos 1920	160
5.3 Pembelian Tanah Oleh Koo Hsien Jung Di Ma Zhi Bao San Shen Zhuang, Nombor Tanah 326 Di Taichung	175





SENARAI SINGKATAN

CO	<i>Colonial Office</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
Drs.	<i>Dollars</i>
EIC	<i>East India Company</i>
JMBRAS	<i>Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society</i>
JSEAS	<i>Journal of Southeast Asian Studies</i>
Kg	<i>Kilogram</i>
KMT	Kuomintang
NNS	Negeri-negeri Selat
NUS	<i>National University of Singapore</i>
PCCC	<i>Penang Chinese Chamber Of Commerce</i>
POWI	<i>Prince of Wales Island</i>
PUSWATAN	Pusat Latihan Askar Wataniah
SC	<i>Sultan of Kedah's Correspondence</i>
SHTI	Syarikat Hindia Timur Inggeris
Sp	Sepanyol
SSR	<i>Strait Settlement Records</i>
Supt.	<i>Superintendent</i>
Vol.	<i>Volume</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Koo Hsien Jung
- B Air Pancut Perbandaran George Town
- C Duke of Edinburgh House Pada Tahun 1867 Dan Ketibaan Tetamu di Edinburgh House
- D Peta Kawasan Lugang di Taiwan
- E Peta Kawasan Erlin di Taiwan
- F Kilang Gula Yang Wujud di Taiwan Pada Zaman Pemerintahan Jepun
- G Tugu Pengasas Taichung Municipal First Senior High School
- H Lima Orang Pengasas Utama Taichung Municipal First Senior High School
- I Pintu Hadapan Taichung Municipal First Senior High School Pada Tahun 1954
- J Peta Kawasan Balik Pulau Dan Air Itam di Pulau Pinang
- K Rancangan “Muhibah Sino-Jepun”-Jepun Memberikan Bantuan Makanan Dan Barang Kepada Penduduk China
- L Lokasi Bekas Kediaman Koo Hsien Jung di Folk Art Museum Lugang.
- M Kediaman Koo Hsien Jung di Lukang, Taiwan
- N Gabenor Taiwan yang Ke-5, Sakuma Samata





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Kegiatan ekonomi orang Cina di Pulau Pinang mempunyai susur galur dan berkembang dengan maju dari masa ke masa. Impian orang Cina untuk memulakan perniagaan keluarga telah bermula dari zaman pembukaan Pulau Pinang pada tahun 1786 dan diteruskan dengan lebih rancak hingga kini. Orang Cina mempunyai minat yang mendalam terhadap perniagaan keluarga kerana bidang ini merupakan suatu bidang yang mendatangkan keuntungan lumayan¹ kepada mereka. Perniagaan juga dilihat sebagai asas pekerjaan orang Cina untuk mengumpul kekayaan² dan menjadi suatu warisan yang harus dipertahankan. Pembangunan ekonomi pada zaman kolonial turut memberi kesan kepada kegiatan ekonomi orang Cina. Oleh itu, kegiatan ekonomi orang Cina menjadi lebih pelbagai seiring dengan perkembangan ekonomi

¹ Thomas Zellweger, *Managing the family business: Theory and practice*, Edward Elgar Publishing Limited, United Kingdom, 2017, hlm. 13.

² Henry X. Shi, *Entrepreneurship in family business: Cases from China*, Springer, Switzerland, 2014, hlm. 76.





dan kawasan setempat. Perubahan ini secara tidak langsung telah mewujudkan kepelbagaiannya dalam bidang pertanian, perindustrian, pembuatan, perniagaan import dan eksport, penghasilan makanan, hiburan, pertukangan, perkhidmatan, dan lain-lain.

Seterusnya, orang Cina bukan sahaja mencari peluang pekerjaan di Tanah Melayu tetapi mereka turut mempunyai impian untuk mengumpul wang.³ Fikiran sedemikian telah mendorong mereka untuk terlibat dalam perniagaan keluarga. Bukan semua peniaga Cina mampu melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi seperti perniagaan. Hanya mereka yang berjaya memohon lesen, mempunyai modal dan kemahiran boleh memulakan kerjaya dalam bidang ini. Sepanjang menjalankan perniagaan keluarga, mustahil seseorang peniaga tidak menghadapi sebarang cabaran dan rintangan. Seseorang individu yang melibatkan diri dalam perniagaan keluarga mungkin berjaya namun pada masa yang sama, bidang ini mungkin membawa kepada kegagalan. Oleh itu, orang Cina telah menggunakan pelbagai alternatif bagi mengembangkan dan mengekalkan kegiatan ekonomi mereka khususnya perniagaan keluarga.

Perniagaan didefinisikan sebagai sebuah bentuk organisasi yang sah dan diiktiraf untuk menyediakan barang atau perkhidmatan, atau kedua-duanya kepada pelanggan, perniagaan dan entiti-entiti kerajaan.⁴ Perniagaan bermula dengan membeli sesuatu barang untuk dijual bagi tujuan mendapatkan keuntungan. Oleh itu, perniagaan berbentuk keluarga telah diusahakan oleh orang Cina sejak

³ Hermanus Johannes de Graaf, Joseph Kennedy dan William Henry Scott, *Geschichte: Handbook of oriental studies, section 3 Southeast Asia*, E. J. Brill, Leiden, 1977, hlm. 144.

⁴ Arthur O'Sullivan dan Steven M. Sheffrin, *Economics: Principles in action*, Prentice Hall, Pearson, 2003, hlm. 29.





pembukaan Pulau Pinang bermula tahun 1786. Perniagaan keluarga Cina pada peringkat awal diuruskan oleh ahli keluarga dengan menggunakan modal yang kecil. Mereka turut berpegang teguh pada nilai keluarga tertentu. Keadaan ini membolehkan sesuatu nilai keluarga menjadi asas budaya dalam sesuatu perniagaan.⁵

1.2 Latar Belakang Kajian

Francis Light telah mengambil alih Pulau Pinang daripada Sultan Kedah pada tahun 1786. Persetiaan dengan Sultan Kedah, 1791 menurut Perkara I, iaitu Syarikat Inggeris akan memberi Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Kedah enam ribu dolar Sepanyol setiap tahun, selagi Inggeris kekal memiliki Pulau Pinang⁶ telah

memberi kuasa penuh kepada Inggeris untuk mentadbir Pulau Pinang. Perdagangan di

Pulau Pinang turut berkembang dengan pesat dengan kehadiran pedagang daripada kawasan serantau seperti Kedah, Melaka, selatan China (Amoy, Canton, Macau), Indo-China, Thailand, Filipina, Portugal, Batavia, Semarang, Juwana, Gerisik, Makassar dan Borneo.⁷ Pada abad ke-19, Georgetown berfungsi sebagai entrepot untuk bahagian utara-barat Malaya, Sumatera utara, Segenting Kra di selatan Thailand dan Pantai Tenasserim di Burma.⁸ Pengambilalihan kuasa Francis Light turut menandakan permulaan pertapakan orang Cina secara pesat di Pulau Pinang.

⁵ Craig E. Aronoff dan John L. Ward, *Family business values: How to assure a legacy of continuity and success*, Palgrave Macmillan, New York, 2011, hlm. 1.

⁶ Persetiaan dengan Sultan Kedah, 1791 ditandatangan, dimeterai dan disempurnakan di Kota Cornwallis, Pulau Pinang pada 1 hari bulan Mei tahun Masih 1791. Lihat Institut Terjemahan Negara Malaysia, *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, Institut Terjemahan & Buku Malaysia, Kuala Lumpur, 2013, hlm. 1.

⁷ Nordin Hussin, *Trade and society in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang*, NUS Press, Singapore, 2007, hlm. 16-17.

⁸ P. P. Courtenay, *A geography of trade and development in Malaya*, G. Bell & Sons, Ltd., London, 1972, hlm. 200.



Potensi yang wujud di Pulau Pinang juga terbuka luas apabila Francis Light membenarkan perdagangan bebas dijalankan di Pulau Pinang. Hal ini sememangnya menarik perhatian pedagang dari Kepulauan Melayu, India dan Burma termasuk orang Cina sendiri. Kemunculan Pulau Pinang sebagai pelabuhan entrepot kemudiannya juga mewujudkan peluang yang tinggi kepada orang Cina untuk berkecimpung dalam bidang perdagangan. Nordin Hussin mengatakan pada awal pembangunan, Pulau Pinang mampu menarik perdagangan. Hal ini dibuktikan sebanyak 85 kapal dan perahu telah singgah di pelabuhan Pulau Pinang pada tahun 1786 dan bilangan kapal perdagangan telah meningkat ke 3,569 pada tahun 1802.⁹

Selain itu, impian Francis Light untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai kawasan perdagangan bebas “Laissez-Faire” telah menggalakkan kemasukan buruh Cina secara besar-besaran. British menyedari bahawa kebolehan orang Cina mampu menghasilkan kekayaan kepada wilayah yang baharu buka ini.¹⁰ Kebanyakan imigran buruh China bekerja dengan syarikat milik orang Cina.¹¹ Orang Cina di Pulau Pinang pada peringkat awal terlibat dalam pelbagai jenis perniagaan tanaman seperti lada, kelapa, pala, pinang, tebu, sirih, padi, dan cengkih. Mereka turut menjalankan perniagaan seperti pajakan candu, mengusahakan perniagaan arak, perdagangan manusia, industri perkapalan, perkhidmatan pajak gadai dan lain-lain.

Salah satu keluarga Cina yang terkenal di Pulau Pinang pada tempoh 1700-an hingga 1900-an ialah keluarga Koh yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan.

⁹ Nordin Hussin, *Trade and society in the straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*, hlm. 325.

¹⁰ V. Purcell, *Orang-orang Cina di Tanah Melayu* (Terj.), Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 1997, hlm. 43.

¹¹ Jayati Bhattacharya dan Coonoor Kripalani (ed.), *Indian and Chinese immigrant communities: Comparative perspectives*, Anthem Press, London, 2015, hlm. 14.



Nama-nama seperti Koh Lay Huan, Koh Teng Choon, Koh Seang Tat, dan Koo Hsien Jung tidak asing di Pulau Pinang dan Taiwan. Koh Lay Huan misalnya, memperkenalkan tanaman lada dari Aceh ke Pulau Pinang untuk tujuan komersial. Tanaman lada menjadi barang eksport yang penting bagi negara serantau seperti Jawa, India, dan China kerana mendatangkan keuntungan sebanyak 126,000.00 dolar Sepanyol pada tahun 1820-an.¹² Tambahan pula, cucunya, Koh Seang Tat berjaya memperoleh pajakan cukai bagi candu dan arak di Singapura pada tahun 1880 sehingga menjadi seorang yang kaya.¹³ Potensi yang dimiliki oleh Koh Seang Tat membolehkan beliau menubuhkan syarikat candu pada tahun 1880 sehingga Frank Swettenham menggambarkan dia sebagai orang Cina yang paling kaya dan penting di Pulau Pinang.¹⁴ Selain itu, waris generasi keempat keluarga Koh iaitu Koo Hsien Jung mengembangkan perniagaan keluarga Koh di Taiwan. Koo Hsien Jung terlibat dalam pelbagai perniagaan seperti perusahaan penghasilan gula, perniagaan import dan eksport, menjual garam, menjadi pengedar candu, arak dan tembakau. Kini, keluarga Koo tersenarai dalam lima keluarga terkaya di Taiwan.

Seterusnya, perniagaan keluarga yang dijalankan oleh keluarga Koh memerlukan lesen perniagaan. Tujuan utama lesen perniagaan adalah untuk memastikan perniagaan dapat beroperasi secara sah dalam satu-satu kawasan di bawah bidang pentadbiran pihak berkuasa tempatan.¹⁵ Permohonan lesen pada zaman kolonial lebih mudah disebabkan dasar British pada tempoh tersebut menggalakkan

¹² Board's Collections, F/4/958/27166, Prince of Wales Island &c., 1827/8 Collections, No. 9, "Account of the cultivation of the island", Extract general letter from Prince of Wales Island, 14 October, 1825.

¹³ Tan Kim Hong, *The Chinese in Penang: A pictorial history*, Areca Books, Pulau Pinang, 2007, hlm. 29.

¹⁴ Cheah See Kian. *The Chinese: Two hundred years in Penang*, Han Chiang College, Pulau Pinang, 2012, hlm. 72.

¹⁵ Ismail Ab. Wahab, Zarina Salleh dan Siti Zahrah Buyong, *Panduan memulakan perniagaan*, Arah Pendidikan Sdn. Bhd, Selangor, 2008, hlm. 44.





penglibatan orang Cina dalam perniagaan secara aktif. Lesen perniagaan yang dimohon turut dikenakan bayaran oleh British sebagai pendapatan kerajaan bagi tujuan pembangunan negeri pada tempoh itu. Dasar kerajaan British tidak mengenakan cukai pertanian terhadap pemilik ladang namun mereka dikehendaki membayar sewa ladang candu (\$3660), pusat perjudian (\$2640), dan ladang arak (\$3080), minyak sapi dan ladang babi (\$380), daging babi (\$550), pinang (\$1010), atap (\$210), dan garam (\$475).¹⁶ Selain itu, keluarga Koh yang kaya turut memberi sejumlah hasil pendapatan mereka kepada kerajaan kolonial untuk tujuan pembangunan di Pulau Pinang. Cukai pembelian di kawasan pelabuhan bebas Pulau Pinang juga menyumbang kepada Cukai Persekutuan.¹⁷ Pemberian hasil ini turut bertujuan untuk menjalin hubungan akrab dengan pihak pentadbir dengan harapan dapat memudahkan pentadbiran perniagaan mereka.



1.3 Permasalahan Kajian

Kajian berkaitan keluarga Koh sering mendapat perhatian daripada para pengkaji sejarah dan ekonomi. Hal ini dikatakan demikian kerana keluarga Koh merupakan salah sebuah keluarga terkemuka yang berjaya mengembangkan empayar perniagaan dalam tempoh beberapa generasi khususnya di Pulau Pinang dan juga di Taiwan. Realitinya, perniagaan keluarga Koh diwarisi dari generasi ke generasi semenjak dari zaman kolonial lagi. Generasi pertama keluarga Koh iaitu Koh Lay Huan pada asalnya bertapak di negara China, namun beliau terlibat dalam pemberontakan

¹⁶ Extract of public letter from POWI dated 31st July 1806. Para 32.

¹⁷ Status of port of Penang. RCP/MU/823/1947. Ref. AIM.7/35/23. Letter from Chief Secretary of Malayan Union to Resident Commissioner of Penang, 11 April 1946.





Tiandihui (Heaven and Earth) yang bertujuan menggulingkan kerajaan Manchu. Kegagalan dalam pemberontakan tersebut menyebabkan dirinya diburu. Akhirnya, Koh Lay Huan mengambil langkah untuk memulakan kehidupan baharu di tempat lain. Pada mulanya, Koh Lay Huan singgah di Siam tetapi beliau beralih ke Kedah kemudian. Seterusnya, Koh Lay Huan berpindah ke Pulau Pinang pada tahun 1786 kerana berpendapat di sana terdapat pelbagai peluang dan potensi untuk memulakan perniagaan. Akhirnya, Koh Lay Huan bersama keluarganya memutuskan untuk memulakan perniagaan keluarga di Pulau Pinang. Meskipun demikian, sejarah kemunculan dan perkembangan keluarga Koh dalam perniagaan keluarga masih kurang diketahui oleh masyarakat umum disebabkan oleh kekurangan kajian yang komprehensif dilakukan.



Keluarga Koh mencapai tahap yang membanggakan kerana perniagaan keluarganya bukan sahaja beroperasi di Pulau Pinang malah turut berjaya mengembangkan perniagaannya hingga ke Taiwan. Bermula daripada seorang imigran, Koh Lay Huan amat bijak menggunakan peluang sehingga berjaya meletakkan asas yang kukuh dalam perniagaan keluarga di Pulau Pinang. Tambahan pula, perkembangan perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang turut dipengaruhi oleh faktor rangkaian kongsi gelap yang luas. Rangkaian dengan kongsi gelap membolehkan perniagaan keluarga Koh memperoleh peluang, menjamin sumber-sumber dan mendapat persetujuan menjalankan perniagaan daripada pihak tertentu. Kejayaan yang luar biasa ini telah menimbulkan tanda tanya tentang strategi keluarga Koh dalam usaha mengembangkan perniagaan mereka di saat berlakunya pelbagai krisis dan pergolakan kuasa di rantau ini sepanjang tempoh tersebut.





Salah satu faktor yang membantu kejayaan perniagaan keluarga Koh ialah kelicikan keluarga Koh membina hubungan yang baik dengan pentadbir British dan Jepun. Hubungan yang erat antara keluarga Koh dengan pentadbir British telah membolehkan ahli keluarga Koh memperoleh jawatan dan gelaran penting seperti Kapitan, Suruhanjaya Perbandaran, dan Pengadil Keamanan. Jawatan ini bukan sahaja menaikkan reputasi keluarga Koh malah turut memberi kesempatan kepada mereka untuk memperoleh pelbagai peluang perniagaan di Pulau Pinang. Justeru itu, timbul persoalan mengenai kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh keluarga Koh bagi mendapatkan peluang untuk bertapak di Pulau Pinang dan seterusnya mengembangkan perniagaan di Pulau Pinang serta Taiwan.

Catatan Sejarah menunjukkan generasi pertama keluarga Koh, iaitu Koh Lay

Huan dilantik menjadi Kapitan Cina yang pertama di Pulau Pinang oleh Francis Light pada tahun 1787. Latar belakang keluarga Koh yang kaya dan berpengaruh membolehkan keluarganya melibatkan diri dalam aktiviti penanaman lada secara besar-besaran. Keluarga Koh kemudian beralih melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi yang tidak halal seperti pajakan candu dan arak. Perubahan aktiviti ini disebabkan pajakan candu dan arak membawa pulangan yang lumayan kepada keluarga Koh. Pentadbir British sendiri turut memberi kebenaran kepada keluarga Koh untuk mengusahakan aktiviti pajakan candu dan arak kerana kedua-dua aktiviti ini menyumbang dominan kepada hasil pendapatan negeri Pulau Pinang. Sungguhpun demikian, kelicikan keluarga Koh mengambil peluang serta keupayaan memanipulasi hubungan dengan pihak pentadbir British untuk mengembangkan perniagaan keluarga mereka di Pulau Pinang amat menakjubkan sehingga mampu melibatkan diri dalam pelbagai jenis aktiviti ekonomi di Pulau Pinang.





Realitinya, bukan mudah untuk seseorang ahli perniagaan mengembangkan perniagaan mereka di luar negara apatah lagi di Taiwan yang pada masa itu diperintah oleh kuasa pentadbir yang berlainan. Langkah memindahkan kawasan perniagaan ini berlaku disebabkan beberapa isu semasa yang berlaku seperti Perang Dunia Pertama (1914-1918), Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929 dan Perang Dunia Kedua (1939-1941). Kesemua isu politik ini telah menjaskan perkembangan politik dan ekonomi di Negeri-negeri Selat termasuk negeri Pulau Pinang. Keadaan ini secara tidak langsung telah menjaskan perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang. Timbul tanda tanya jenis perniagaan, lokasi tumpuan dan faktor kejayaan perniagaan keluarga Koh sehingga membolehkan waris generasi keempat mengembangkan perniagaan mereka di Taiwan.



1.4 Objektif Kajian

Bagi mencapai dan menyelesaikan penyelidikan ini, terdapat beberapa objektif yang disasarkan, antaranya;

1.4.1 Membincangkan latar belakang keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan bermula tahun 1786 hingga 1941.

1.4.2 Mengenal pasti jenis-jenis perniagaan yang dijalankan oleh keluarga Koh di Pulau Pinang dari tahun 1786 hingga 1941.



1.4.3 Membincangkan hubungan dengan pentadbir kolonial British dan Jepun serta sumbangan keluarga Koh dalam mengukuhkan kedudukan perniagaan keluarga di Pulau Pinang dan Taiwan bermula tahun 1786 hingga 1941.

1.4.4. Menilai perkembangan perniagaan keluarga Koo di Taiwan sehingga tahun 1941.

1.4.5. Menganalisis faktor kejayaan perniagaan keluarga Koh dalam menjalankan perniagaan keluarga di Pulau Pinang-Taiwan dan kawasan sekitar dari tahun 1786 sehingga tahun 1941.



Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan memberi penekanan terhadap analisis dokumen. Proses pengkajian terbahagi kepada empat peringkat yang penting iaitu pemilihan bahan, menganalisis sumber, pengumpulan bahan dan penyampaian penulisan. Oleh itu, pengkaji berusaha untuk mengumpul sumber primer dan sekunder dari pelbagai sudut bagi mengenal pasti sumber yang diperlukan dalam penulisan. Kajian ini tidak boleh ditulis sebarang kenyataan tanpa disokong oleh mana-mana sumber kerana dikhuatiri berat sebelah. Proses terakhir ialah penulisan yang tersusun rapi.

Selain itu, penggunaan sumber primer dan sumber sekunder sangat penting bagi menghasilkan sebuah penulisan sejarah yang baik. Lantaran itu, kajian



berdasarkan dokumen rasmi dan tidak rasmi, meneliti buku, tesis dan artikel berkaitan perniagaan keluarga Koh/Koo telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan perniagaan tersebut.

Kajian ini juga merujuk dokumen rasmi yang disimpan di Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negeri Cawangan Pulau Pinang. Sumber arkib terdiri daripada dokumen asal, rekod rasmi kerajaan, minit mesyuarat, telegram, laporan jabatan kerajaan, memorandum, dan warta kerajaan negeri Pulau Pinang. Sumber primer berkaitan dasar Pulau Pinang pada zaman kolonial seperti *Board's Collections* (1796-1842) dan *Straits Settlements Record* yang terdapat di London-India Office Library dan Singapore National Library juga dirujuk. “Strait Settlements Annual Reports” turut dirujuk untuk mendapatkan maklumat berkaitan polisi perdagangan dan jumlah pendapatan negeri Pulau Pinang pada zaman kolonial. Sumber primer seperti rekod kerajaan, dokumen perniagaan dan surat persendirian berkaitan Koo Hsien Jung iaitu cicit Koh pula dirujuk di *The Archives of Institute of Taiwan History* dan *Taiwan Sotokufu Digital Archive*. Pengkaji turut merujuk sumber primer Cina seperti minit mesyuarat, majalah, dan laporan tahunan di Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang bagi mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan perniagaan orang Cina sepanjang tempoh kajian. Bagi sumber kedua, pengkaji menjalankan kajian perpustakaan di *Singapore National Library*, *National Taiwan Library*, Perpustakaan Tunku Bainun, Perpustakaan Hamzah Sendut, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negeri Pulau Pinang dan Muzium Negeri Pulau Pinang dengan merujuk kepada jurnal, artikel, tesis atau disertasi, buku-buku dan penerbitan rasmi lain.



Seterusnya, kajian ini menggunakan tafsiran hermeneutik. Hermeneutik berfungsi untuk memahami teks secara mendalam iaitu melihat butiran teks tidak hanya kepada maksud literal dan luaran yang eksplisit malah menjangkaui maksud yang implisit, merangkumi bahasa dan konteks zaman penulis teks.¹⁸

Kajian ini juga menganalisis dokumen dengan melakukan penilaian terhadap sumber sejarah seperti dokumen, fail dan rekod-rekod yang berkaitan dengan tajuk kajian. Sumber ini akan ditapis semula mengikut prosedur sejarah melalui kritikan luaran dan dalaman. Kritikan luaran bertujuan untuk menentukan ketulenan dan keaslian sumber manakala kritikan dalaman bertujuan menentukan kemunasabahan ataupun kewarasan (kerasionalan) tentang sesuatu isi kandungan sesuatu sumber sejarah.¹⁹ Sebagai seorang penyelidik sudah menjadi kewajipan baginya membuat penyelidikan berdasarkan bukti yang ditemui supaya sumber tersebut mempunyai kesahan.²⁰

Kajian ini turut menggunakan beberapa kaedah penulisan seperti kaedah deskriptif, naratif, dan kaedah analitikal. Dalam kaedah deskriptif, huraiyan yang teliti dan terperinci berkaitan dengan latar belakang keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan telah dilakukan. Kaedah ini telah memudahkan pengkaji untuk mengkaji dengan lebih teliti berkaitan sejarah kedatangan keluarga Koh ke Pulau Pinang-Taiwan dari tahun 1786 sehingga 1941. Selain itu, kaedah deskriptif juga digunakan untuk menghurai

¹⁸ Hasuria Che Omar dan Rokiah Awang (ed.), *Kelestarian bidang penterjemahan*, Persatuan Penterjemah Malaysia, Kuala Lumpur, 2009, hlm. 398.

¹⁹ Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan pensejarahan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2006, hlm. 60.

²⁰ Ishak Saat, *Penulisan Sejarah*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 2010, hlm. 61.



jenis-jenis perniagaan yang dijalankan oleh keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan sehingga tahun 1941.

Di samping itu, kajian ini juga menggunakan kaedah naratif. Naratif bermaksud membuat gambaran naratif atau berbentuk penceritaan berdasarkan ‘*common sense*’ dan tidak mengendahkan teori atau konsep ilmu sosial yang lain.²¹

Kaedah ini dikaitkan dengan cerita tentang sesuatu peristiwa, kejadian, pengalaman, dan lain-lain. Dalam erti kata yang lain, kaedah naratif merupakan satu kaedah penceritaan. Kaedah ini bertujuan untuk menceritakan semula peristiwa yang telah berlaku menurut susunan kronologi peristiwa itu terjadi. Selain itu, kaedah naratif turut digunakan dalam kajian ini terutama dalam menceritakan kembali peristiwa yang berlaku ke atas keluarga Koh yang menjalankan perniagaan di Pulau Pinang-

Taiwan sehingga 1941. Kemudian, kaedah naratif juga digunakan dalam penulisan kajian untuk menceritakan anak cucu keluarga Koh dari generasi pertama hingga generasi keempat yang berjaya mengembangkan perniagaan di Pulau Pinang-Taiwan sehingga 1941.

Selain itu, kaedah lain yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah analitikal. Analitikal dianggap sebagai falsafah sejarah dan menuntut penggunaan pemikiran, kupasan, olahan, dan renungan yang mendalam.²² Kaedah ini digunakan untuk menjawab permasalahan kajian jika tidak terdapat sebarang bahan rujukan. Walaupun begitu, terdapat sumber yang tidak berkaitan dengan skop kajian boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dalam menyiapkan kajian ini. Kaedah analitikal telah

²¹ Arba’iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan pensejarahan*, 2006, hlm. 21.

²² *ibid.*





digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis rangkaian perniagaan keluarga Koh dengan rakan kongsi dalam menjalankan perniagaan keluarga di Pulau Pinang dan kawasan sekitar sehingga tahun 1941. Kaedah analitikal secara tidak langsung dapat menilai faktor yang mana lebih menyumbang kepada kejayaan dan kestabilan perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan. Salah satu kepentingan ialah membuktikan bahawa kekayaan orang Cina dalam bidang perniagaan boleh melebihi tiga generasi walaupun pepatah Cina mengatakan kekayaan sesebuah keluarga tidak dapat diwarisi melebihi tiga generasi. Dapatan ini sememangnya merupakan suatu dapatan baharu dalam bidang kewangan dan ekonomi sehingga membawa kesan yang mendalam kepada perniagaan keluarga Cina iaitu keluarga Koh.

Kajian ini penting kerana dapatan kajian yang diperoleh dapat memberikan informasi kepada para pengkaji Sejarah dan Ekonomi supaya lebih memahami perkembangan perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang sehingga tahun 1941. Dapatan kajian tersebut dapat memberi sumbangan kepada dunia penyelidikan dari segi informasi baharu dan menjalankan penambahbaikan pada masa hadapan. Selain itu, kajian ini bertujuan ke arah mendokumentasikan maklumat Sejarah yang mungkin hilang disebabkan sumber berada di negara berbeza iaitu di Tanah Melayu-Taiwan. Kajian ini diharapkan dapat memberi inspirasi dan idea kepada ahli Sejarah lain untuk





mengkaji Sejarah perniagaan keluarga Cina dari aspek lain seperti budaya dan prinsip perniagaan supaya dapat memanfaatkan para pembaca.

Selain itu, kajian ini juga penting kepada penggubal dasar negara kerana dasar kolonial boleh dijadikan rujukan apabila mereka menggubal sesuatu dasar. Penggubal dasar tidak harus menggubal dasar ekonomi negara berdasarkan persepsi individu atau pihak tertentu tetapi juga harus mengambil kira faktor Sejarah supaya wujud keseimbangan dasar mengikut perubahan zaman. Dasar baharu yang digubal dari masa ke masa dipercayai dapat merealisasikan impian ekonomi negara ke arah kemajuan dan transformasi ekonomi baharu.

Kajian ini juga penting kepada kerajaan kerana dapat lebih memahami ekonomi orang Cina dan hubungan peniaga dengan pemerintah pada zaman kolonial. Kerjasama serantau dengan negara lain seperti China dan Taiwan membolehkan seseorang peniaga meluaskan perniagaan keluarganya. Oleh itu, kerjasama yang berterusan dengan negara serantau dalam ekonomi bukan sahaja dapat menjamin kestabilan ekonomi negara malah juga mengukuhkan hubungan politik dan persahabatan antara negara.

Seterusnya, langkah perniagaan yang diambil oleh keluarga Koh dapat dijadikan contoh kepada peniaga lain dalam usaha mempertahankan warisan perniagaan keluarga. Kajian ini membolehkan para peniaga mengetahui bahawa modal yang kukuh dan hubungan dengan pemerintah memainkan peranan penting kerana kedua-dua pihak saling membantu untuk menjamin perkembangan perniagaan





bersama. Oleh itu, kajian ini penting sebagai galakkan dan dorongan kepada para peniaga untuk mengembangkan dan mempertahankan warisan perniagaan keluarga.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini fokus kepada perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan bermula tahun 1786 sehingga tahun 1941. Perniagaan keluarga Koh dibincangkan dalam bentuk tema dan subtema tertentu untuk melihat perkembangan dalam bidang perniagaan yang dijalankan oleh keluarga Koh serta isu-isu yang wujud dalam tempoh kajian yang dijalankan.



Skop kajian ini bermula pada tahun 1786 selaras dengan pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light sebagai kawasan kegiatan ekonomi kolonial. Kajian ini berakhir pada tahun 1941 kerana berlakunya pendudukan Jepun di Pulau Pinang pada bulan Disember 1941. Selain itu, cicit Koh iaitu Koo Hsien Jung telah meninggal dunia di Taiwan pada tahun 1937. Oleh itu, kajian ini terhenti pada tahun 1941.

1.7.2 Skop Ruang

Kawasan yang difokuskan adalah di Pulau Pinang kerana banyak perniagaan keluarga telah dijalankan di kawasan tersebut pada zaman kolonial. Selain itu, perniagaan keluarga Koh yang dikendalikan oleh generasi keempat di Taiwan juga dibincangkan



sehingga tahun 1941. Namun, kawasan sekitar seperti Perak, Kedah, Singapura, dan China yang mempunyai kaitan turut dibincangkan kerana keluarga Koh terlibat secara langsung dalam pelbagai jenis perniagaan di kawasan tersebut.

1.8 Kajian Lepas

Dalam memastikan kajian ini berjalan lancar, penyelidik telah membuat pembacaan yang melibatkan buku, artikel, latihan ilmiah/tesis, bab dalam buku, kertas kerja dan sebagainya. Kesemua bahan bacaan yang berkait dengan perniagaan keluarga telah dirujuk oleh penyelidik bagi memantapkan hasil kajian ini. Salah satu artikel yang dirujuk ialah “*Family succession and firm performance among Malaysian companies*” tulisan Noor Afza Amran dan Ayoib Che Ahmad.²³ Artikel ini membincangkan hubungan kejayaan keluarga dan prestasi syarikat. Tulisan ini membuktikan ahli keluarga akan bekerja dengan lebih efisien apabila saham syarikat berada dalam tangan mereka. Artikel ini juga menjelaskan pewaris dapat menguruskan perniagaan keluarga dengan lebih baik berbanding pengasas. Walaupun begitu, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kegagalan perniagaan keluarga seperti faktor kematian pengasas perniagaan, ketidakcekapan anak-anak, sifat personaliti dan sikap tidak minat meneruskan perniagaan keluarga. Penulisan artikel ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menjalankan kajian ke atas 975 syarikat yang tersenarai dalam Bursa Saham Malaysia dari tahun 2003 hingga 2007. Data syarikat diperoleh menerusi laporan tahunan, hebahan syarikat dan majalah perniagaan. Skop artikel ini berbeza dengan kajian penyelidik yang membincangkan faktor pengekalan dan kejayaan perniagaan keluarga Koh. Selain itu, kajian penyelidik hanya fokus terhadap

²³ Noor Afza Amran dan Ayoib Che Ahmad, “Family succession and firm performance among Malaysian companies”, *International Journal of Business and Social Science*, 1(2), 2010, hlm. 193.



satu keluarga. Di samping itu, kajian penyelidik menggunakan kaedah kualitatif yang menekankan sumber arkib sebagai sumber utama dalam penghasilan penulisan.

Seterusnya, artikel yang dirujuk adalah “*Family-owned businesses: towards a model of succession planning in Malaysia*” iaitu tulisan Moha Asri Abdullah, Zarinah Abdul Hamid dan Junaidah Hashim.²⁴ Terdapat tiga isu yang ditonjolkan dalam artikel ini iaitu dilema pengganti, faktor kejayaan pengganti dan perancangan perniagaan telah membawa kejayaan kepada sesebuah perniagaan keluarga. Perniagaan keluarga berhadapan dengan dua peringkat peralihan iaitu penglibatan waris dalam perniagaan dan kepimpinan pengganti. Artikel ini merumuskan bahawa kurang daripada 1/3 perniagaan keluarga dapat diteruskan oleh generasi seterusnya apabila pengasas atau pengurus bersara. Hasil kajian dalam artikel ini serba sedikit berbeza dengan kajian Noor Afza Amran dan Ayoib Che Ahmad yang menyatakan perniagaan keluarga dapat dikendalikan dengan lebih cemerlang bawah pimpinan pewaris. Artikel ini merujuk kepada buku bahasa Inggeris, laporan, artikel, jurnal dan tesis. Selain itu, kajian lapangan dan soal selidik terhadap pegawai serta individu yang terlibat dalam perniagaan keluarga juga telah dijalankan oleh penulis artikel. Kajian artikel ini berbeza dengan kajian penyelidik yang membuktikan bahawa perniagaan keluarga Koh/Koo dapat bertahan dari generasi ke generasi dan pada masa yang sama kekayaan yang dimiliki oleh keluarganya boleh diwarisi melebihi tiga generasi.

Selain daripada itu, artikel yang dirujuk adalah bertajuk “*Family firms and brand products in Malaysia: originality, productivity and sustainability*” tulisan

²⁴ Moha Asri Abdullah, Zarinah Abdul Hamid dan Junaidah Hashim, “Family-owned businesses: Towards a model of succession planning in Malaysia”, *International Review of Business Research Papers*, 7(1), 2011, hlm. 251.



Edmund Terence Gomez dan Wong Yee Tuan.²⁵ Skop artikel ini adalah membincangkan empat perniagaan keluarga yang diusahakan oleh orang Cina dan orang Eropah. Penulisan artikel ini menggunakan kaedah konseptual dengan menceritakan sejarah penubuhan perniagaan keluarga. Artikel ini juga membandingkan strategi perniagaan yang digunakan bagi mengembangkan perniagaan keluarga masing-masing. Perniagaan Eu Yan Sang dan Yeo Hiap Seng misalnya, bermula dengan perniagaan keluarga pada peringkat awal namun mengalami transformasi di kemudian hari dengan membenarkan orang luar menyertai lembaga pengarah. Langkah ini diambil bagi menjamin perniagaan keluarga mereka berkekalan, menambah kekayaan keluarga, dan mengembangkan produk mereka di pasaran dunia. Fokus artikel ini berbeza dengan kajian penyelidik yang hanya mewarisi perniagaan keluarga kepada ahli keluarga terdekat bagi mempertahankan perniagaan keluarga yang wujud sekian lama tidak kira di Pulau Pinang atau di Taiwan.

Begitu juga dengan tulisan Nor Aishah Buang, Ganefri dan Saliza Sidek yang bertajuk “*Family business succession of SMEs and post-transition business performance*”.²⁶ Artikel ini membincangkan hubungan antara faktor kejayaan dalam persediaan pewaris, hubungan antara keluarga dan perancangan perniagaan. Persediaan pewaris iaitu pengalaman bekerja dapat mempengaruhi kejayaan perniagaan keluarga. Isu kritikal dalam penulisan ini ialah masalah pewarisan. Hubungan yang baik antara ahli keluarga menjadi asas kepercayaan dalam perniagaan

²⁵ Edmund Terence Gomez dan Wong Yee Tuan, “Family firms and brand products in Malaysia: Originality, productivity and sustainability”, *The Copenhagen Journal of Asian Studies*, 32(1), 2014, hlm. 76.

²⁶ Nor Aishah Buang, Ganefri dan Saliza Sidek, “Family business succession of SMEs and post-transition business performance”, *Asian Social Science*, 9(12), 2013, hlm. 79.

keluarga. Penulisan artikel ini menggunakan kaedah tinjauan secara rawak ke atas 70 perniagaan keluarga yang dijalankan di Kuala Terengganu. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan Program *Statistical Package for Social Science Version 18.0* (SPSS). Dapatan kajian dalam artikel ini menunjukkan 58.6% individu yang terlibat dalam perniagaan keluarga berkelulusan sekolah menengah manakala 85.7% pula tidak mempunyai pengalaman bekerja di luar. Selain itu, 45.7% individu pula mengambil alih perniagaan keluarga atas faktor kewajipan dan 52.9% individu telah bersedia sepenuhnya untuk mengambil alih perniagaan keluarga. Skop kajian dalam artikel ini berbeza dengan kajian pengkaji yang hanya fokus terhadap satu keluarga. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada dokumen perniagaan keluarga Koo di Arkib Taiwan dan tidak menjalankan kajian secara pensampelan.

Artikel lain yang turut dirujuk adalah tulisan Noor Afza Amran dan Ayoib Che Ahmad yang bertajuk “*Board mechanisms and Malaysian family companies' performance*”.²⁷ Secara amnya, skop artikel ini adalah membincangkan prestasi syarikat dan kerjasama dengan kerajaan. Artikel ini menjelaskan pengurus yang terdiri daripada ahli keluarga lebih bermotivasi untuk bertindak demi kepentingan organisasi dan memaksimumkankekayaan rakan kongsi. Pengurus juga akan memantau perniagaan keluarga dengan lebih tegas kerana mereka melaburkan modal peribadi dalam syarikat. Beberapa ciri seperti mengekalkan budaya lama, perniagaan berskala kecil, pekerja terdiri daripada kanak-kanak dan saudara, tidak memaksa anak-anak mewarisi perniagaan masih lagi diamalkan dalam perniagaan keluarga.

²⁷ Noor Afza Amran dan Ayoib Che Ahmad, “*Board mechanisms and Malaysian family companies performance*”, *Asian Journal of Accounting and Governance* 2, 2011, hlm. 15.

Kajian penulisan ini dijalankan terhadap 189 syarikat milik keluarga yang tersenarai dalam Bursa Saham Malaysia dari tahun 2003 hingga 2007. Dapatan kajian dalam artikel ini membuktikan perniagaan keluarga dijalankan dalam skala kecil kerana pengasas tidak mahu berhadapan dengan risiko. Selain itu, individu yang berpendidikan tinggi dapat menguruskan syarikat dengan baik kerana mereka boleh menangani masalah dan situasi yang dihadapi oleh syarikat. Hasil kajian artikel ini juga menunjukkan pengurusi dan pengurus syarikat yang terdiri daripada individu yang sama dapat memberi kuasa kepadanya untuk mengambil keputusan dengan cepat. Syarikat yang mempunyai aliran tunai yang banyak berpeluang besar untuk mengembangkan perniagaan keluarga.²⁸ Artikel ini mempunyai sedikit persamaan dengan kajian penyelidik di mana penyelidik menekankan modal yang dimiliki dapat digunakan untuk mengembangkan perniagaan keluarga yang pelbagai. Perbezaan kajian artikel ini dengan kajian penyelidik ialah kajian penyelidik fokus terhadap perniagaan keluarga Koh/Koo yang berskala besar.

Selanjutnya, rujukan juga dilakukan dengan menelaah tulisan bab dalam buku yang berkaitan dengan keluarga Koh iaitu “*Koh Seang Tat and the Asian opium farming business*” yang ditulis oleh Carl A. Trocki.²⁹ Skop tulisan ini adalah membincangkan Koh Seang Tat iaitu pedagang Cina di Pulau Pinang melibatkan diri dalam pajakan cukai candu pada tahun 1870. Candu merupakan salah satu barang yang membawa keuntungan besar kerana satu per tiga daripada jumlah pendapatan di Pulau Pinang bergantung kepadanya. Pada tahun 1879, Koh Seang Tat mengambil alih ladang candu dan arak di Singapura. Hasil kajian dalam buku ini menunjukkan

²⁸ Noor Afza Amran dan Ayoib Che Ahmad, “Board mechanisms and Malaysian family companies performance”, *Asian Journal of Accounting and Governance* 2, 2011, hlm. 24.

²⁹ Carl A. Trocki, *Koh Seang Tat and the Asian opium farming business* dalam *Penang and its region: The story of an Asian entrepot*, NUS Press, Singapore, 2009, hlm. 216.



rangkaian dengan pihak pentadbir, pemimpin Cina tempatan dan kongsi gelap Cina telah menjayakan perniagaan Koh Seang Tat. Hubungan yang akrab dengan Sir Anderson misalnya, membolehkan Koh Seang Tat memperoleh hak pajakan candu di Singapura. Ladang candu di Singapura dan Johor kemudian bergabung untuk memperoleh keuntungan yang lebih besar dan Koh Seang Tat turut membina rangkaian dengan pemimpin Cina tempatan-Cheang Hong Lim, Tan Poh Seng dan Tan Hiok Nee. Selain itu, rangkaian dengan pemimpin kongsi gelap Cina di Pulau Pinang iaitu Khoo Thean Teck telah mengukuhkan kedudukan Koh Seang Tat kerana Khoo Thean Teck mempunyai rangkaian dengan puak Hai San.

Selain itu, sumber yang digunakan oleh Trocki dalam penghasilan bab dalam buku ini kebanyakannya menggunakan sumber kedua berbentuk buku. Keseluruhan bab hanya merujuk satu sumber primer dalam *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*. Kajian pengkaji pula lebih melihat kepada sumber primer berkaitan Pulau Pinang seperti *Straits Settlements Record* dan *Straits Settlements Annual Reports*. Seterusnya, kajian pengkaji juga membincangkan rangkaian dalam menjalankan perniagaan namun pengkaji lebih fokus terhadap perniagaan keluarga Koh bermula tahun 1786 iaitu zaman Kapitan Koh Lay Huan hingga generasi keempatnya Koo Hsien Jung yang memulakan perniagaan di Taiwan. Perniagaan keluarga Koh dibincangkan dalam pelbagai bidang dan tidak sama dengan penulisan Trocki yang tumpu terhadap dua jenis perniagaan iaitu candu dan arak.

Di samping itu, artikel yang berkaitan dengan perdagangan di Pulau Pinang bertajuk “*Penang and its region: The story of an Asian entrepot*” karya Yeoh Seng



Guan, Loh Wei Leng, Khoo Salma Nasution *et.al.* juga turut dirujuk.³⁰ Artikel ini membincangkan sejarah ekonomi Pulau Pinang yang berkait dengan perdagangan entrepot serta perniagaan orang Cina yang wujud sebelum merdeka. Beberapa perniagaan orang Cina seperti Eu Yan Sang yang menjalankan perniagaan ubat Cina, keluarga Choong dan Koh Seang Tat yang terlibat dalam perniagaan candu turut dibincangkan dalam tulisan tersebut. Kisah tauke yang terlibat dalam perniagaan telah dibincangkan bermula dengan latar belakang di China, migrasi dan seterusnya membincangkan permulaan dan perkembangan perniagaan keluarga mereka di Pulau Pinang sehingga menjadi seorang tauke yang kaya. Hasil kajian dalam artikel ini mendapati perdagangan orang Cina yang berskala besar telah dijalankan di Pulau Pinang sebelum merdeka. Peniaga Cina yang berhijrah dari China adalah miskin pada asalnya dan mereka berusaha untuk melibatkan diri dalam perniagaan dengan harapan

dapat mengubah hidup mereka menjadi lebih selesa. Hasil kajian dalam artikel ini juga mendapati peniaga Cina membina rangkaian perniagaan sesama mereka dan menjalin hubungan akrab dengan pihak pentadbir kolonial untuk mengembangkan perniagaan. Selain itu, penulisan tentang keluarga Eu menggunakan sumber primer seperti nota peribadi, buku akaun, surat wasiat, maklumat dari batu nisan dan temu bual. Sebaliknya, penulisan keluarga Choong dan Koh menggunakan sumber pertama seperti akhbar lama, *The Penang Gazette*, Laporan Tahunan Pentadbiran Kedah, *Sultan's Correspondence of Kedah (SC)*, dan *Colonial Office (CO)*. Pengkaji menjalankan kajian terhadap perniagaan orang Cina sebelum merdeka namun pengkaji fokus terhadap perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang dan Taiwan dalam pelbagai bidang pada zaman kolonial. Kajian pengkaji berbeza dengan penulisan

³⁰ Yeoh Seng Guan, Loh Wei Leng, Khoo Salma Nasution *et.al.* (ed.), *Penang and its region: The story of an Asian entrepot*, NUS Press, Singapore, 2009, hlm. 180-223.



artikel ini yang fokus terhadap isu perdagangan dan perniagaan di Pulau Pinang sebelum merdeka.

Artikel yang berkaitan dengan rangkaian perniagaan bertajuk “*Hokkien Chinese on the Phuket mining frontier: The Penang connection and the emergence of the Phuket Baba community*” yang ditulis oleh Khoo Salma Nasution juga turut dirujuk oleh penyelidik.³¹ Skop artikel ini membincangkan pembangunan intensif perlombongan Cina di Phuket pada awal abad ke-19. Perlombongan bijih timah di Phuket dikuasai oleh orang Cina yang mempunyai kuasa, kaya dan pemimpin kawasan setempat. Artikel ini juga membincangkan perdagangan dan perhubungan antara keluarga Tan dan Khaw. Beberapa isu juga diutarakan dalam penulisan artikel ini seperti isu cukai kepala dikecualikan terhadap pemimpin Cina Hokkien di Phuket.

Hasil kajian dalam artikel ini mendapati tauke-tauke Cina yang bernama keluarga Tan bukan sahaja melibatkan diri dalam perlombongan malah juga terlibat dengan perniagaan lain seperti syarikat ais, pajak gadai, perkапalan dan perdagangan import dan eksport. Sebaliknya, perniagaan keluarga Khaw meliputi bidang kewangan, insurans, perkапalan dan memonopoli pajakan candu. Kajian dalam artikel ini mendapati keluarga Tan memberi sumbangan kepada masyarakat seperti membina sekolah Cina, tokong dan menjadi penderma utama bagi pembinaan semula Tan Kongsi. Tulisan ini turut mendedahkan kerajaan Siam membangunkan kawasan selatan dengan mengadakan kerjasama dengan pemimpin Cina kongsi gelap. Kerajaan memberikan konsesi tanah untuk perlombongan manakala tauke-tauke Cina memperkenalkan kemahiran keusahawanan dan membawa masuk buruh Cina untuk membuka kawasan perlombongan. Artikel ini menggunakan sumber pertama seperti

³¹ Khoo Salma Nasution, “Hokkien Chinese on the Phuket mining frontier: The Penang connection and the emergence of the Phuket Baba community”, *JMBRAS*, 82(2), 2009, hlm. 84.



laporan dan manuskrip. Keseluruhan penulisan banyak menggunakan sumber kedua seperti akhbar, buku, artikel jurnal, tesis, prosiding dan temu bual. Pengkaji pula menggunakan sumber primer seperti dokumen rasmi dan peribadi keluarga Koh dari Arkib Taiwan. Kajian Khoo Salma Nasution fokus terhadap aktiviti perlombongan yang dikendalikan orang Cina Hokkien dan melihat kepada perdagangan berskala besar. Sebaliknya, kajian pengkaji mengkaji secara menyeluruh tentang perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan. Kajian pengkaji turut melihat kepada aspek rangkaian perniagaan dengan kongsi gelap bagi sama-sama menjayakan perniagaan mereka.

Di samping itu, artikel bertajuk “*A study on Chinese community and opium farms in Penang in the 19th Century*” yang ditulis oleh Kang Heejung turut dirujuk.³²

Skop artikel ini membincangkan perhubungan antara pajakan cukai candu dan komuniti Cina di Pulau Pinang. Ekonomi orang Cina mencapai kejayaan pada awal abad ke-19 kerana penagihan candu berlaku secara berleluasa. Penulisan ini membincangkan kedatangan imigran China ke Pulau Pinang dan dikaitkan dengan tokoh Cina seperti Koh Lay Huan dan Gan Ngoh Bee. Ladang candu diperoleh melalui tender dan mereka yang berjaya memperoleh tender tersebut boleh mengejarkan ladang candu selama tiga tahun kontrak. Ladang candu juga menyumbang kepada hasil cukai di Pulau Pinang dan meningkat dari tahun ke tahun. Perdagangan tahunan candu di Pulau Pinang pada tempoh 1809-1819 adalah 1/3 daripada keseluruhan perdagangan. Selain itu, operasi ladang candu turut mengerakkan perniagaan lain yang berkaitan seperti rumah judi, arak, pajak gadai, dan rumah pelacuran. Kesemua aktiviti ini telah membawa keuntungan yang besar

³² Kang Heejung, “A study on Chinese community and opium farms in Penang in the 19th Century”, *Journal of Modern Education Review*, 5(4), 2015, hlm. 354.

kepada peniaga Cina. Hasil kajian artikel ini menunjukkan tiga faktor utama yang membolehkan dominasi ekonomi oleh orang Cina di Pulau Pinang ialah ketekunan semula jadi, kemahiran untuk mengumpul kekayaan dan rangkaian yang kukuh sesama orang Cina. Kajian dalam artikel ini mendapati sindiket ladang candu biasanya terdiri daripada pedagang Cina yang mempunyai ramai buruh Cina. Mereka akan menggunakan pelbagai helah untuk menjadikan buruh-buruh Cina ketagih dengan candu demi menambah hasil cukai dan mengumpul kekayaan. Seterusnya, kongsi gelap turut memainkan peranan dalam menjayakan ekonomi orang Cina di Pulau Pinang kerana mereka terlibat dengan pengawalan sosial dan operasi ekonomi bagi pihak kerajaan kolonial.

Penulisan artikel ini merujuk kepada beberapa sumber kedua seperti buku,

artikel Bahasa Cina, artikel jurnal, dan prosiding. Sebaliknya, pengkaji menggunakan sumber primer seperti *Board's Collections* (1796-1842) yang terdapat di London-India Office Library untuk mengkaji dasar Pulau Pinang pada zaman kolonial. Selain itu, kajian Kang Heejung fokus terhadap pengumpulan wang melalui ladang candu namun perniagaan yang difokuskan oleh pengkaji adalah pelbagai jenis perniagaan yang dijalankan oleh keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan sehingga 1941. Kajian yang difokuskan oleh pengkaji lebih melihat kepada aspek perhubungan keluarga Koh dengan British dan kerjasama dengan kongsi gelap di sekitar rantau Asia.

Selain itu, buku yang bertajuk “Orang-orang Cina di Tanah Melayu” hasil karya Purcell turut dirujuk untuk memantapkan kajian ini.³³ Skop buku ini adalah membincangkan Sejarah orang Cina di Tanah Melayu pada tempoh 1970-an hingga

³³ V. Purcell, *Orang-orang Cina di Tanah Melayu* (Terj.), 1997, hlm. 47.

1900-an. Perbincangan dimulakan dengan orang Cina di China dan penghijrahan mereka ke Tanah Melayu. Salah satu subtajuk yang dibincangkan berkaitan dengan orang Cina di Pulau Pinang dan Seberang Perai pada tahun 1786 hingga 1867 membincangkan pembangunan tanah di Pulau Pinang pada peringkat awal adalah perlahan. Kebanyakan konsesi tanah di Pulau Pinang dimiliki oleh orang Eropah. Pertanian orang Cina dijalankan secara kontrak dan mereka dikenakan bayaran cukai mengikut keluasan tanah yang hendak dikerjakan. Walaupun begitu, cukai yang menyumbang pendapatan terbanyak adalah hasil daripada cukai “mewah” yang meliputi cukai judi dan ladang-ladang candu. Tanaman lain yang turut diusahakan di Pulau Pinang termasuk lada hitam, kelapa, tembakau, sirih, pokok nipah dan nila. Hasil kajian buku ini mendapati penanaman gula dimonopoli oleh orang Cina khususnya di Seberang Perai pada tahun 1800 hingga 1846. Selain itu, pedagang

Eropah juga berlumba-lumba untuk mememonopoli penanaman gula dengan meniru kaedah penanaman orang Cina tetapi tidak menggunakan peralatan primitif seperti orang Cina.³⁴ Beberapa sifat orang Cina seperti rajin berusaha, tenang, bijak, hebat, aktif komersial, pendiam dan sanggup bekerja keras juga didedahkan sebagai faktor kejayaan dalam kalangan orang Cina. Kajian buku ini juga mengklasifikasikan pekerjaan orang Cina mengikut suku. Umpamanya, bidang pertukangan dikuasai oleh suku Kantonis.

Kaedah penulisan yang digunakan oleh Purcell berbentuk deskriptif dan naratif. Purcell menceritakan latar belakang negara China dan faktor kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu. Beberapa isu berkaitan orang Cina di Pulau Pinang juga dibincangkan seperti tradisi, budaya, agama, permainan, kesihatan dan kemudahan.

³⁴ *ibid.*, hlm. 51.

Purcell menggunakan sumber kedua yang terdiri daripada jurnal dan buku untuk menjalankan kajian terhadap ekonomi orang Cina di Pulau Pinang. Sebaliknya, pengkaji merujuk dokumen rasmi seperti Straits Settlements Record untuk mengkaji perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan pada zaman kolonial. Selain itu, kajian Purcell bermula lebih lewat iaitu pada tahun 1970-an hingga 1800-an. Sebaliknya, kajian pengkaji bermula lebih awal iaitu pada tempoh 1786 hingga 1941. Pengkaji fokus terhadap tanaman lada yang dikendalikan oleh keluarga Koh untuk tujuan eksport namun kajian Purcell membincangkan aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh orang Cina secara umum dan tidak membincangkan mana-mana tokoh Cina secara khusus dalam tempoh kajian.

Seterusnya, buku yang berkaitan dengan peniaga Cina dalam aspek rangkaian perniagaan juga dirujuk oleh pengkaji. Kajian yang dijalankan oleh Tong Chee Kiong dalam bukunya yang bertajuk “*Chinese business: Rethinking guanxi and trust in Chinese business network*”³⁵ telah mengkaji tentang perniagaan orang Cina di Singapura dan China. Kajian Tong menunjukkan bahawa orang Cina mengutamakan tiga elemen iaitu ‘guanxi’ (hubungan), ‘xin yong’ (kepercayaan) dan ‘gan qing’ (perhubungan atau perasaan) dalam menjalankan perniagaan. Hasil kajian Tong mendapati ketiga-tiga aspek ini saling melengkapi sehingga membawa kejayaan kepada perkembangan perniagaan keluarga Cina. Hubungan yang baik antara peniaga secara tidak langsung mewujudkan kepercayaan dan perhubungan dalam kalangan mereka. Kajian Tong juga membuktikan bahawa kepercayaan yang tinggi terhadap pekerja mengubah status mereka menjadi ahli keluarga melalui ikatan perkahwinan dengan anak-anak dan saudara-mara dengan harapan dapat membantu dalam

³⁵ Tong Chee Kiong (ed.), *Chinese business: Rethinking guanxi and trust in Chinese business networks*, Springer, Singapore, 2014, hlm. 65-66.



perniagaan mereka dalam jangka masa panjang. Buku ini juga mendedahkan kejayaan syarikat seperti *Lee Rubber Group* bergantung pada rangkaian dengan bekas majikan serta ‘*xinyong*’ antara saudara-mara bagi membantu mengendalikan tiga sub syarikat yang ditubuhkan di Malaysia. Penulisan buku ini menggunakan sumber primer seperti laporan tahunan dan laporan akhbar untuk menghasilkan penulisan. Tong turut menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengumpul data dan menemu bual peniaga Cina dan pengurus dari negara Malaysia, China, Hong Kong, Vietnam dan Thailand. Tong kemudian menganalisis data yang dikumpul untuk membandingkan elemen hubungan dan kepercayaan yang diaplikasikan oleh peniaga Cina ketika menjalankan urus niaga di negara China. Keseluruhan kajian Tong menekankan elemen ‘*guanxi*’ dan ‘*xinyong*’ dan berbeza dengan kajian pengkaji yang bukan sahaja menekankan faktor perhubungan dan rangkaian untuk mengembangkan perniagaan keluarga Koh tetapi juga bergantung kepada faktor lain seperti faktor modal, pasaran, dan kemahiran bernesaga untuk mengembangkan perniagaan. Kajian pengkaji juga melihat bagaimana keluarga Koh menggunakan ikatan dengan pentadbir British dan Jepun bagi mengembangkan dan mempertahankan perniagaan keluarganya di Pulau Pinang-Taiwan dari generasi ke generasi.

Selain itu, bahan berkaitan perniagaan orang Cina dirujuk menerusi tesis yang bertajuk “*Corporate governance practices of Malaysian Chinese family owned business*” kajian Goh Kian Seng.³⁶ Skop penulisan tesis ini membincangkan penglibatan orang Cina di Malaya dalam ekonomi tradisional dan ekonomi baharu. Tesis ini turut membincangkan struktur ekonomi Tanah Melayu selepas merdeka yang

³⁶ Goh Kian Seng, *Corporate governance practices of Malaysian Chinese family owned business, Thesis (Ph.D)*, Lismore: School Of Business And Tourism, Southern Cross University, 2008, hlm. 20. (<https://epubs.scu.edu.au/cgi/viewcontent.cgi?referer=https://www.google.com/&httpsredir=1&article=1210&context=theses>)





fokus kepada bidang pertanian dan bidang perindustrian tidak berkembang maju pada peringkat permulaan. Walaupun begitu, keseluruhan perbincangan lebih menjurus kepada kerjasama antara orang Cina dan kerajaan dalam bidang perniagaan. Pelbagai kajian telah dijalankan oleh pengkaji tesis untuk memperlihatkan kepentingan dan keperluan kerjasama yang melibatkan kerajaan sehingga mampu membawa kepada kejayaan perniagaan orang Cina. Hasil kajian tesis ini mendapati kerajaan Malaysia mempunyai rangka kerjasama yang bagus dengan peniaga Cina tetapi keberkesanan rangka kerjasama tersebut terkongkong dengan peraturan dan penguatkuasaan. Jadi, beberapa langkah cadangan telah diusulkan oleh Goh dalam penulisannya seperti memperbaiki penguatkuasaan mekanisme, memberi pertimbangan terhadap kewujudan satu badan pengawal untuk menyelaraskan syarikat awam yang tersenarai dan lain-lain tindakan supaya dapat mengatasi masalah tersebut. Kajian tesis ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif namun keseluruhan kajian menekankan kaedah kuantitatif iaitu mengumpul data melalui soal selidik dengan syarikat Cina awam. Beberapa soalan kajian telah diusulkan dan penulis tesis telah menganalisis peratusan dapatan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh peniaga Cina atau syarikat tersenarai. Jadi, kajian tesis ini mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji yang membincangkan ekonomi orang Cina tetapi pengkaji lebih tumpu terhadap perniagaan yang dijalankan oleh keluarga Koh dalam pelbagai bidang di Pulau Pinang pada zaman kolonial. Kajian pengkaji juga memperlihatkan kerjasama Koh dengan pentadbir kolonial British dalam menjayakan perniagaan keluarga Koh.



Di samping itu, artikel yang bertajuk “Transformasi budaya niaga usahawan Cina di Semenanjung Malaysia” karya Chin Yee Whah juga turut dirujuk.³⁷ Skop penulisan artikel ini menganalisis perubahan psikologi dan budaya niaga usahawan Cina dalam konteks perubahan struktur dasar-dasar ekonomi, politik dan struktur masyarakat Malaysia dari dekad 1960-an hingga akhir dekad 1990-an. Artikel ini mendedahkan bahawa peniaga Cina mula berubah daripada bentuk perniagaan lama ke bentuk perniagaan yang baharu pada tahun 1990-an. Walau bagaimanapun, penulis artikel ini telah membandingkan situasi perniagaan orang Cina dan orang Melayu pada tahun 1960-an. Hasil dalam artikel ini mendapati peniaga Cina yang dapat mengembangkan perniagaan terdiri daripada mereka yang menjalin hubungan rapat dengan kerajaan dan ahli-ahli politik yang berpengaruh. Selain itu, artikel ini juga mendapati Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan oleh kerajaan telah mengundang tiga reaksi dalam kalangan peniaga Cina iaitu reaksi positif, negatif dan sintesis. Keseluruhannya, peniaga Cina bersetuju bahawa peniaga Melayu adalah aset penting sebagai rakan kongsi mereka untuk mengembangkan empayar perniagaan di Malaysia. Kajian artikel ini menggunakan beberapa sumber. Pertama, kaedah temubual digunakan untuk menemu ramah syarikat pengeluaran, syarikat kontraktor kecil, syarikat borong dan syarikat runcit. Penulisan ini turut merujuk sumber pertama seperti laporan dan buletin daripada jabatan kerajaan dan persatuan perniagaan. Sumber kedua yang dirujuk termasuk buku, artikel jurnal, akhbar, dan kertas kerja. Dasar kerajaan yang dibincangkan oleh Chin Yee Whah pada tempoh 1960-an hingga 1990-an telah mempengaruhi perkembangan perniagaan peniaga Cina ke arah perniagaan Ali-Baba. Sebaliknya, kajian pengkaji berkaitan perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang pada zaman kolonial mengkaji aspek dasar kerajaan seperti

³⁷ Chin Yee Whah, “Transformasi budaya niaga usahawan Cina di Semenanjung Malaysia”, *Kajian Malaysia*, Jld. XIX, No. 1, Jun 2001, hlm. 64.

pemberian lesen perniagaan, pembukaan tanah, kemasukan buruh Cina dan pengecualian cukai sehingga memberi ruang kepada keluarga Koh untuk mengembangkan perniagaan keluarganya.

Kesimpulannya, bahan bacaan yang dirujuk oleh pengkaji dianggap relevan dan sememangnya membantu pengkaji untuk memantapkan penulisan. Segala maklumat yang diperoleh secara tidak langsung memberi idea kepada pengkaji untuk membuat kajian terhadap perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan sehingga tahun 1941.

1.9 Definisi Istilah

a) Perniagaan Keluarga

Perniagaan keluarga diertikan sebagai suatu bentuk perniagaan yang diusahakan bersama ahli keluarga yang bersaiz kecil dengan modal berbayar yang kurang daripada RM2.5 juta. Bilangan pekerja yang terlibat dalam perniagaan keluarga biasanya kurang daripada 100 orang. Menurut Panikkos Zata Poutziouris, Kosmas X. Smyrnios dan Sabine B. Klein, sesuatu perniagaan diklasifikasikan sebagai perniagaan keluarga apabila perniagaan tersebut diuruskan oleh beberapa generasi.³⁸ Sementara Siew Tong Fock pula menerangkan 12 definisi yang berkaitan dengan perniagaan keluarga berdasarkan sumber yang berbeza. Antaranya termasuk kajian Ward (1987), perniagaan keluarga sebagai suatu perniagaan yang akan diwarisi serta

³⁸ Panikkos Zata Poutziouris, Kosmas X. Smyrnios dan Sabine B. Klein (ed.), *Handbook of research on family business*, Edward Elgar Publishing Limited, United Kingdom, 2006, hlm. 61.

diurus oleh generasi seterusnya. Kajian Barry (1975) turut menjelaskan perniagaan keluarga merupakan sebuah syarikat yang dikawal oleh ahli dari satu keluarga. Walaupun begitu, Stern (1986) mempunyai pendapat yang sedikit berbeza di mana perniagaan keluarga dijalankan oleh ahli dari satu atau dua keluarga.³⁹ Kenyataan ini turut disokong oleh Edwin A. Hoover dan Colette Lombard Hoover yang mengatakan bahawa perniagaan keluarga ialah perniagaan yang dimiliki serta diuruskan oleh ahli daripada satu keluarga atau lebih daripada itu.⁴⁰

Selain itu, Moha Asri Abdullah, Zarinah Abdul Hamid dan Junaidah Hashim pula mendefinisikan perniagaan keluarga sebagai sebuah sistem yang berasal daripada beberapa subsistem di mana pengasas, ahli keluarga dan syarikat sebagai entiti.⁴¹ Manakala Haslindar Ibrahim dan Fazilah Abdul Samad pula berpendapat perniagaan keluarga meliputi beberapa kriteria iaitu pemilikan dan pengurusan dijalankan oleh ahli keluarga, perniagaan diwarisi dari generasi ke generasi, memiliki saham dan ahli keluarga sebagai lembaga pengarah syarikat.⁴²

Perniagaan keluarga pada peringkat awal bersifat skala kecil iaitu dikendalikan oleh beberapa orang ahli keluarga dan kemudian diwarisi kepada generasi seterusnya. Perniagaan keluarga juga dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu

³⁹ Siew Tong Fock, “Inter-generation transitions in Chinese family businesses: Key success factors in Singapore”, *Tesis (Ph.D)*, University of Bath, England, 2001, hlm. 32.

⁴⁰ Edwin A. Hoover dan Colette Lombard Hoover, *Getting along in family business: The relationship intelligence handbook*, Routledge, New York, 1999, hlm. 3.

⁴¹ Moha Asri Abdullah, Zarinah Abdul Hamid dan Junaidah Hashim, “Family-owned businesses: Towards a model of succession planning in Malaysia”, *International Review of Business Research Papers*, 7(1), 2011, hlm. 252.

⁴² Haslindar Ibrahim dan Fazilah Abdul Samad, “Family business in emerging markets: The case of Malaysia”, *African Journal of Business Management*, 4(13), 2010, hlm. 2587.

perniagaan pemilikan tunggal, perkongsian dan syarikat.⁴³ Pada kebiasaannya, orang Cina memulakan perniagaan kecil di rumah pada peringkat awal dan kemudiannya berkembang menjadi syarikat. Menurut Ann Wan Seng, perniagaan keluarga merupakan suatu kerjaya yang berupa warisan dan menjadi suatu kebanggaan yang perlu dipertahankan.⁴⁴ Sementara itu, jika kita melihat dalam konteks yang lebih luas, syarikat di Asia Tenggara kebanyakannya turut didominasi oleh syarikat keluarga orang Cina.⁴⁵ Pendek kata, keluarga menjadi tulang belakang kepada perkembangan sesebuah perniagaan. Jawatan penting dalam syarikat yang melibatkan kewangan biasanya dipegang oleh ahli keluarga terdekat. Hal ini kerana mereka mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap ahli keluarga sendiri.

Secara umumnya, Malaysia kini menduduki tangga ke-3 negara yang

terbanyak mempunyai perniagaan keluarga selepas negara Thailand dan Indonesia.⁴⁶ Kira-kira 90% perniagaan yang wujud di negara demokrasi ialah perniagaan keluarga, manakala 70% perniagaan diuruskan oleh ahli keluarga dan diwarisi daripada moyang mereka.⁴⁷ Malahan perniagaan keluarga juga telah mengawal 40% syarikat tersenarai awam di Malaysia dan tiga daripada 10 syarikat yang popular diuruskan oleh keluarga.⁴⁸ Sementara itu, jika ditinjau dari aspek pengurusan, syarikat milik keluarga

⁴³ Mohd Syahrir Rahim, Ahmad Zamil Abd. Khalid, Sahadah Hj. Abdullah *et.al.*, *Asas keusahawanan: Ke arah pengukuran minda dan kemahiran keusahawanan*, Universiti Utara Malaysia, Kedah, 2017, hlm. 182.

⁴⁴ Ann Wan Seng, *Rahsia bisnes orang Cina*, PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2007, hlm. 128.

⁴⁵ Keanon J. Alderson, *Understanding the family business*, Business Expert Press, New York, 2011, hlm. 1.

⁴⁶ Nor Aishah Buang, Ganefri dan Saliza Sidek, “Family business succession of SMEs and post-transition business performance”, *Asian Social Science*, 9(12), 2013, hlm. 79.

⁴⁷ Edmund Terence Gomez dan Wong Yee Tuan, “Family firms and brand products in Malaysia: Originality, productivity and sustainability”, *The Copenhagen Journal of Asian Studies*, 32(1), 2014, hlm. 76.

dapat meminimumkan masalah dan mengurangkan kos untuk menguruskan syarikat kerana saham berada dalam tangan orang yang membuat keputusan.

Oleh itu, dalam pengertian umum perniagaan keluarga diasaskan oleh seorang individu atau ahli keluarga yang mempunyai visi yang jauh untuk membangunkan ekonomi keluarganya bermula dalam skala yang kecil. Kemudian, ia berkembang secara bertahap setelah mengambil kira pelbagai aspek termasuk faktor modal, buruh dan peluang sehingga akhirnya perniagaan tersebut diwarisi oleh generasi berikutnya. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa perniagaan yang diusahakan oleh individu atau kelompok yang mempunyai susur galur atau pertalian yang jauh masih boleh dikategorikan sebagai perniagaan keluarga dengan syarat pemilikan dan kuasa mengawal berada di bawah keluarga itu sendiri. Ini bermakna perniagaan keluarga tidak lagi hanya dalam kitaran dua atau tiga generasi sahaja, malahan ia berpotensi melangkaui kitaran berikutnya yang digerakkan oleh generasi atau waris yang jauh sesudah itu.

b) Keluarga Koh

Keluarga Koh merupakan salah satu keluarga yang kaya di Pulau Pinang. Koh Lay Huan sebagai generasi pertama berasal dari Changzhou yang terletak di daerah Hokkien, China. Beliau bertapak di Pulau Pinang pada tahun 1786 dan dilantik sebagai kapitan Cina yang pertama di Pulau Pinang oleh Francis Light.⁴⁸ Beliau juga

⁴⁸ Wong Choon San, *The gallery of Chinese Kapitans*, Ministry of Culture, Singapura, 1963, hlm.12.

dikenali dengan beberapa nama panggilan seperti Che Kay atau Chewan oleh masyarakat tempatan.

Che Kay merupakan suku Hokkien dan suku dialek yang berbeza pada zaman kolonial menguasai bidang perniagaan tertentu mengikut suku masing-masing. Misalnya, orang Hokkien mendominasi perdagangan runcit dan pakaian, orang Kantonis terlibat dalam pembangunan dan pembinaan, orang Teochew menangkap ikan dan menjual logam manakala orang Hainan aktif dengan perniagaan warung dan kedai kopi.⁴⁹ Orang Cina pada zaman tersebut juga mempunyai pegangan agama masing-masing. Mereka menganut agama Buddha, Konfusius, atau Taoisme.⁵⁰ Sesetengah mereka menganut dua atau tiga kepercayaan sekali gus.



05-4506832

Kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh Keluarga Koh adalah pelbagai.
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Kegiatan ekonomi Koh Lay Huan di Pulau Pinang pada peringkat awal adalah melibatkan diri dalam penanaman lada. Penanaman lada secara besar-besaran akhirnya membawa kepada perniagaan eksport. Selain itu, keluarga Koh juga mendominasi pajakan cukai arak dan candu di Singapura pada tahun 1879.⁵¹ Perniagaan tersebut dilihat membawa keuntungan besar sehingga memberi peluang kepada keluarga Koh untuk mengumpul kekayaan. Keluarga Koh turut mengendalikan beberapa perniagaan lain seperti industri perkapalan, pembuatan, perniagaan import dan eksport di Pulau Pinang.

⁴⁹ Ann Wan Seng, *Rahsia bisnes orang Cina*, hlm.192.

⁵⁰ Nik Hasnaa Nik Mahmood (Terj.), *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 1997, hlm. 127.

⁵¹ John Butcher dan Howard Dick (ed.), *The rise and fall of revenue farming: Business elites and the emergence of the modern state in Southeast Asia*, St. Martin's Press, Inc, New York, 1993, hlm.96.

Generasi keempat keluarga Koh di Taiwan bermula dengan zaman Koo Hsien Jung. Walaupun begitu, sebutan Cina di Taiwan menyebabkan nama keluarga Koh dieja sebagai Koo. Jadi, nama waris keluarga Koh di Taiwan dieja bermula dengan nama keluarga Koo. Selain itu, perniagaan keluarga Koo di Taiwan termasuk menjual garam, mengusahakan kilang gula, menjadi pengedar candu, arak dan tembakau, menanam nanas serta menjalankan perniagaan import dan eksport. Perniagaan keluarga Koo yang semakin berkembang pada zaman pemerintahan Jepun akhirnya membolehkan keluarga Koo menjadi lima keluarga terkaya di Taiwan.

c) **Taiwan**

Taiwan adalah sebuah pulau pergunungan kecil yang terletak kira-kira 100 batu dari pantai tenggara negara China yang merentasi Selat Taiwan.⁵² Bahagian utara Taiwan dibatasi oleh Laut China Timur yang memisahkan negara tersebut dengan Kepulauan Ryukyu, Okinawa dan Jepun manakala bahagian selatannya dipisahkan oleh Terusan Bashi. Selain itu, bahagian barat Taiwan terletaknya Selat Taiwan yang memisahkan kepulauan tersebut dengan daratan negara China manakala bahagian timur Taiwan terletaknya Lautan Pasifik.⁵³

Taiwan yang dinyatakan dalam kajian ini bukan kajian mengenai Sejarah Taiwan tetapi berkait dengan perkembangan perniagaan keluarga Koo yang berkembang di Taiwan. Perniagaan keluarga Koo dikaji dari aspek kegiatan ekonomi

⁵² Emma Jinhua Teng, *Taiwan's imagined geography Chinese colonial travel writing and pictures, 1683-1895*, Harvard University Asia Center, Cambridge, 2004, hlm. 31

⁵³ N. Mark Lam dan John L. Graham, *China Now: Berbisnis di pasar paling dinamis di dunia*, PT Elex Media Komputindo, Jakarta, 2007, hlm. 316.



yang dijalankan dan hubungan dengan Jepun di Taiwan sehingga tempoh 1941. Negara Taiwan dibincangkan dalam kajian ini kerana negara tersebut pernah dijajah oleh Jepun dari tahun 1895 hingga 1945. Perbincangan mengenai perkembangan perniagaan keluarga Koo di Taiwan akan dibincangkan secara mendalam dalam bab 5.

1.10 Pembahagian Bab

Secara umumnya, cadangan struktur penulisan tesis mengikut bab adalah seperti berikut;

Bab 1: Pengenalan



Bab ini merupakan permulaan bagi keseluruhan kajian. Pengkaji hanya memuatkan beberapa aspek penting dalam melaksanakan kajian yang meliputi pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian dan skop kajian. Selain itu, bab ini juga mengandungi kajian lepas, definisi istilah dan pembahagian bab dalam kajian.

Bab 2: Latar Belakang Keluarga Koh

Bab ini akan membincangkan latar belakang keluarga Koh ke Pulau Pinang dan dibincangkan latar belakang keluarganya mengikut generasi. Kajian ini akan membincangkan keluarga Koh yang bermula dengan generasi pertamanya Kapitan Koh Lay Huan sehingga generasi keempatnya Koo Hsien Jung di Taiwan. Kesemua





perbincangan ini telah menjadi titik permulaan bagi perkembangan perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang.

Bab 3: Kegiatan Ekonomi Keluarga Koh Di Pulau Pinang

Bab ini akan membincangkan latar belakang kegiatan ekonomi keluarga Koh di Pulau Pinang dan menjurus kepada aspek jenis aktiviti dan perkembangannya. Perbincangan dimulakan dengan aktiviti pertanian yang dilibatkan oleh keluarga Koh dan diteruskan dengan perniagaan import dan eksport dan dibincangkan ciri-ciri, bentuk dan bidang perniagaannya. Seterusnya, perniagaan keluarga Koh yang dibincangkan juga merupakan langkah permulaan ke arah pengumpulan modal dan modal yang berlebihan telah digunakan oleh keluarga Koh untuk melabur dalam perniagaan lain.



Bab 4: Hubungan Keluarga Koh Dengan Pentadbir British Dan Jepun Sehingga 1941

Bab ini akan membincangkan hubungan antara keluarga Koh dengan British di Pulau Pinang bermula tahun 1786 hingga 1941. Perbincangan fokus terhadap beberapa aspek perniagaan iaitu dasar British, lesen perniagaan, dan kelulusan kewangan yang membantu keluarga Koh mencapai kejayaan dalam perniagaan. Selain itu, tempoh ini juga membincangkan jawatan yang dipegang oleh Koh Seang Tat sehingga membolehkan beliau terlibat dalam bidang politik pada waktu yang sama. Seterusnya, bayaran cukai oleh keluarga Koh turut menyumbang kepada penambahan pendapatan negeri. Cukai-cukai perniagaan yang dikumpul telah digunakan untuk pembangunan negeri Pulau Pinang pada tempoh itu. Selain itu, beberapa isu semasa seperti Perang





Dunia Pertama, Kemelesetan Ekonomi Dunia dan Perang Dunia Kedua juga dibincangkan dan dilihat sebagai cabaran kepada perkembangan perniagaan keluarga Koh. Bab ini turut membincangkan hubungan Koo Hsien Jung dengan Jepun di Taiwan dan dikaitkan dengan penglibatan Koo Hsien Jung dalam bidang politik di Taiwan.

Bab 5: Perkembangan Perniagaan Keluarga Koo Di Taiwan

Bab ini meneruskan perbincangan terhadap perkembangan perniagaan keluarga Koo di Taiwan sehingga tahun 1941. Perbincangan dimulakan dengan faktor-faktor pertumbuhan ekonomi di Taiwan dan diikuti dengan jenis perniagaan yang dijalankan oleh keluarga Koh di Taiwan. Selain itu, sumbangan keluarga Koo terhadap masyarakat setempat di Taiwan juga dibincangkan kerana sumbangan dilihat sebagai salah kaedah untuk memperoleh sokongan dan kepercayaan daripada pihak pentadbir dan masyarakat pada tempoh tersebut.

Bab 6: Faktor Kejayaan Perniagaan Keluarga Koh/Koo

Bab ini akan membincangkan faktor kejayaan dan kestabilan perniagaan keluarga Koh/Koo di Pulau Pinang dan Taiwan dari tempoh 1786 hingga 1941. Perbincangan fokus terhadap lima faktor utama iaitu faktor pewarisan perniagaan keluarga, faktor modal, faktor jaringan perniagaan, faktor hubungan dengan pemerintah dan faktor dasar kerajaan. Kelima-lima faktor ini telah memainkan peranan penting dan saling melengkapi bagi membantu perniagaan keluarga Koh/Koo mencapai kejayaan dan kestabilan. Perniagaan keluarga Koh/Koo dilihat berkembang dengan maju khususnya





di Taiwan kerana pelbagai usaha telah dilakukan oleh keluarga Koh/Koo bagi mempertahankan perniagaan mereka.

Bab 7: Kesimpulan

Bab ini merupakan penutup bagi keseluruhan kajian. Pengkaji membuat rumusan berdasarkan perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan sehingga tahun 1941. Bab ini turut merumuskan beberapa perkara seperti pewarisan perniagaan, modal yang dimiliki oleh keluarga Koh, aktiviti ekonomi yang paling menguntungkan, hubungan keluarga Koh dengan pentadbir British dan Jepun, rangkaian perniagaan, dan dasar kerajaan telah mempengaruhi perkembangan dan kejayaan perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan sehingga tahun 1941.



1.11 Kesimpulan

Perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan sehingga tahun 1941 telah memberi sumbangan penting dalam pembangunan ekonomi Pulau Pinang pada zaman kolonial. Modal yang kukuh serta hubungan dengan pihak pentadbir British dan Jepun dilihat merupakan faktor dominan yang mempengaruhi perkembangan perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan pada tempoh tersebut. Diharapkan kajian ini dapat memberi pendedahan kepada orang awam tentang perkembangan perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang-Taiwan dan cabaran yang dihadapi oleh keluarga Koh dalam mempertahankan perniagaan keluarganya sehingga tahun 1941.

